





Indeks Perdagangan Luar Negeri Mei 2025



Segala perubahan berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

Sumber : Indeks Perdagangan Luar Negeri, Mei 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PERATUS PERUBAHAN BULAN KE BULAN BAGI INDEKS NILAI SEUNIT EKSPORT DAN IMPORT



Terma Perdagangan Malaysia menurun 0.5 peratus pada Mei 2025, terutamanya disumbangkan oleh Minyak & Lemak Binatang & Sayur-sayuran.

- **Indeks nilai seunit eksport** menurun 1.5 peratus pada Mei 2025 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak galian (-4.1%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-4.1%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.5%). Begitu juga, **indeks volum eksport** menyusut 3.7 peratus selaras dengan penurunan indeks minyak galian (-14.5%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-9.8%). **Indeks volum eksport pelarasan bermusim** juga turut susut 2.7 peratus daripada 170.8 mata kepada 166.1 mata. Merujuk kepada **perbandingan tahunan**, indeks nilai seunit eksport jatuh 1.5 peratus manakala indeks volum naik 0.4 peratus.
- **Indeks nilai seunit import** merosot 1.1 peratus pada Mei 2025, disumbangkan oleh penyusutan indeks minyak galian (-6.5%), bahan kimia (-0.4%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.1%). Tambahan pula, **indeks volum import** juga turut menyusut 0.9 peratus pada Mei 2025 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh penurunan dalam indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-8.1%) dan bahan kimia (-1.4%). **Indeks volum import pelarasan bermusim** menyusut 2.4 peratus daripada 238.6 mata kepada 232.7 mata. **Perbandingan tahun ke tahun** menunjukkan indeks nilai seunit import berkurang 4.7 peratus manakala indeks volum menaik 11.8 peratus.
- **Terma perdagangan** Malaysia meleset 0.5 peratus bulan ke bulan kepada 118.6 mata pada Mei 2025, didorong oleh kejatuhan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-1.2%), bahan kimia (-0.4%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.4%). Sementara itu, terma perdagangan Malaysia **tahun ke tahun** bertambah 3.3 peratus daripada 114.8 mata pada Mei tahun lalu.

